

'PESAKA SEJARAH TURUN TEMURUN'

# Keris Hang Tuah alat kebesaran Raja2 di-Perak

15.9.67.

Keluaran  
khas

KEPUTERAAN  
SULTAN  
NEGRI PERAK  
YG KE-43

KERIS HANG TUAH ada-lah di-antara 18 jenis alat perkakas yang menjadi tanda kebesaran di-Raja bagi negeri Perak sa-lain daripada Nobat.

Sa-banyak 18 jenis alat itu yang di-namakan "Perkakas Kerajaan" ia-lah Tiara, Mahkota, Keris Seri Gading, Kamar, Mundam, Puan, Semberit, Agok, Dokoh, Rantai Bunga Nyior,

Pontoh Bernaga, Pontoh Ular Lidi, Chap Halilintar, Kanching Halkah, Keris Pestaka, Keris Hang Tuah Mestika atau Geliga Embun dan Chura Si-Manjakini.

KERIS HANG TUAH asa-nya keris 'bawar' Laksama-na Hang Tuah, hulubalang negeri Melaka yang mash-hor.

Keris itu, menurut riwayat-nya, di-serahkan oleh Hang Tuah kapada Sultan Mahmud Shah, manakala beliau tidak berjaya mendapatkan Puteri Gunong Ledang untuk di-jadikan isteri Sultan.

Kegagalan mendapatkan Puteri itu, konon-nya, menyebabkan Hang Tuah me-larikan diri ka-hulu Perak dan tidak kembali lagi ka-Melaka.

## Dari emas

Keris 'bawar' itu di-kirimkan melalui Tun Mamat untuk di-persembahkan kepada Sultan Mahmud Shah.

Keris ini di-bawa ka-Kampar dalam tahun 1511 sa-masa baginda Sultan Mahmud Shah meninggal-kan Melaka.

Kemudian di-kurniakan keris itu kepada putera baginda, Raja Mudzaffar dalam tahun 1528 sa-masa hendak berangkat ka-Perak.

Oleh  
Yusoff  
Bakar

Sejak itu-lah keris ini menjadi satu di-antara 'perkakas' Kerajaan negeri Perak.

Bentok keris ini, sarong dan ulu-nya di-perbuat daripada emas.

Konon-nya keris ini mempunyai kesaktian, sa-perti peluru berpandu sekarang, boleh terbang menchari musoh-nya me-nurut arahan dari tuan-nya.

Semua perkakas ini di-simpan dalam sa-buah bilek khas di-Istana Iskandariah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar, di-gunakan sa-masa pertabalan sahaja.

Barang2 ini di-jagai oleh Bentara2.

## Pedang purba

Antara perkakas ini yang bersejarah dan menarek hati ia-lah CHURA SI-MANJAKINI, ia-itu sa-bilah pedang.

Pedang, CHURA SI-MANJAKINI berasal dari perkataan, "Churika (Si) Mandakini" dalam bahasa Sanskrit yang berma'ana, "Mata (pisau) dari Mandaki", ia-itu sa-buah tasek berhampiran dengan Sungai Ganges, di-India.

Pedang ini di-pesakal turun temurun dari zaman Sang Sapurba.

Nasab Raja2 pemerentah negeri Perak daripada zuriat2 Nila Utama; ia-itu Sang Sapurba, anak Raja Suran dengan Puteri Mah-tab al-bahari, anak Raja Aftab al-Ardzi.

Dengan pedang ini-lah Permasku Mambang di-titahkan oleh Sang Sapurba membunuh ular Sakti-muna yang mengganas di-hulu negeri Minangkabau.

CHURA SI-MANJAKINI di-bawa oleh Sang Sapurba sa-masa baginda tiga ber-saudara terjali di-Bukit Seguntang Ma-h ameru, Palembang.

Raja Melaka yang per-tama dalam tahun Masehi 1405, Parameswara me-makai pedang ini sa-masa di-tabalkan.

## Istiadat

Pedang ini di-gunakan oleh Raja2 Melaka, lingga kapada Sultan Mahmud Shah, Raja Melaka yang akhir sakali pada tahun 1511.

Pedang CHURA SI-MANJAKINI ada-lah dalam simpanan Raja Mudzaffar, sa-masa baginda menjadi Sultan yang pertama dalam 1528.

Pedang itu di-gunakan dalam semua istia'adat per-tabalan Sultan Perak turun temurun dari abad yang ke-16 hingga-lah ka-abad yang ke-20 ini.

Dalam isti'adat2 per-tabalan, Yang Mulia Raja Chik Muda, Pawang di-Raja akan mempersembah-kan pedang CHURA SI-MANJAKINI kapada ba-ginda Sultan.

Duli Yang Maha Mulia Sultan akan menyambut dan menghunus pedang ini lalu menguchup-nya.

Sa-telah di-sarangkan sa-mula, baginda akan menyandang ny-nya di-bahu kanan baginda, sama sa-perti yang di-lakukan oleh Sang Sapurba, ketika ba-ginda berwa'adat dengan Demang Lebar Daun, Raja Palembang dahulu kala.